

Penyelidikan Peringkat Sarjana:

PENDEKATAN KUALITATIF SEBAGAI ALTERNATIF

Penyelidikan Peringkat Sarjana: PENDEKATAN KUALITATIF SEBAGAI ALTERNATIF

**Rasid Mail
Raman Noordin**

PENERBIT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Kota Kinabalu • Sabah • Malaysia

<http://www.ums.edu.my>

2012

Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

© Universiti Malaysia Sabah, 2012

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dikeluarkan ke dalam sebarang bentuk sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit Universiti Malaysia Sabah, kecuali seperti yang diperuntukkan dalam Akta 332, Akta Hak Cipta 1987. Keizinan adalah tertakluk kepada pembayaran royalti atau honorarium.

Segala kesahihan maklumat yang terdapat dalam buku ini tidak semestinya mewakili atau menggambarkan pendirian mahupun pendapat Penerbit Universiti Malaysia Sabah. Pembaca atau pengguna buku ini perlu berusaha sendiri untuk mendapatkan maklumat yang tepat sebelum menggunakan sebarang maklumat yang terkandung di dalamnya. Pandangan yang terdapat dalam buku ini merupakan pandangan ataupun pendapat penulis dan tidak semestinya menunjukkan pendapat atau polisi Universiti Malaysia Sabah. Penerbit Universiti Malaysia Sabah tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang masalah mahupun kesulitan yang timbul, sama ada secara menyeluruh atau sebahagian, yang diakibatkan oleh penggunaan atau kebergantungan pembaca terhadap kandungan buku ini.

Perpustakaan Negara Malaysia


Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Muka taip teks: Chaparral Pro

Saiz taip teks dan *leading*: 11/14 poin

Diterbitkan oleh:
Penerbit Universiti Malaysia Sabah
Tingkat Bawah, Perpustakaan
Universiti Malaysia Sabah
Jalan UMS
88400 Kota Kinabalu, Sabah

Dicetak oleh:
Utusan Kinabalu (Co) Sdn. Bhd.
No. 19, Blok A, Jln. Kolombong
Kolombong Industrial Shophouse
P.O.Box 11506, 88111 Kota Kinabalu, Sabah



Kandungan

Senarai Rajah

Senarai Jadual

Prakata

Bab 1	<u>Perancangan Penyelidikan Sarjana</u>	1
	Pengenalan	
	Apresiasi Penyelidikan	
	Persediaan Mental dan Fizikal	
	Kesimpulan	
Bab 2	<u>Penetapan Fokus Penyelidikan</u>	13
	Pengenalan	
	Perancangan Fokus Umum	
	Perancangan Fokus Khusus	
	Fokus Khusus Kajian: Antara Akademik dan Praktik	
Bab 3	<u>Membentuk Permasalahan Kajian</u>	31
	Pengenalan	
	Mencanai Isu Menjadi Permasalahan Kajian	
	Membentuk Persoalan Kajian	
	Operasi dan Fungsi Hipotesis Kajian	
Bab 4	<u>Kerangka Kajian</u>	47
	Pengenalan	
	Kepentingan Kerangka Kajian	
	Kerangka Teori	
	Teori Sebagai Medium Kajian Ilmiah	
	Kerangka Konsepsi	
	Pembentukan Kerangka Kajian	
Bab 5	<u>Pembentukan Metodologi Kajian</u>	69
	Pengenalan	
	Metodologi: Polemik Hala Tuju Kajian	
	Di Mana Metodologi Kajian Bermula?	

Bab 6	Sorotan Literatur	81
	Pengenalan	
	Proses Sorotan Literatur	
	Memahami Sumber Rujukan	
	Sumber Sorotan Literatur	
Bab 7	Strategi dan Proses Pengumpulan Data	95
	Pengenalan	
	Pengumpulan Data dalam Kajian Kualitatif	
	Peringkat Membiasakan	
	Peringkat Memperkayakan	
	Peringkat Pemurnian	
Bab 8	Strategi Analisis Data	123
	Pengenalan	
	Mengorganisasi Data Kualitatif	
	Langkah Menganalisis Data Kualitatif	
	Proses Perbandingan	
	Proses Bertanya Soalan	
	Teknik Peragaan Corak	
Bab 9	Kesahan dan Kebolehpercayaan	146
	Pengenalan	
	Konsep Saintifik	
	Konsep Realiti	
	Kredibiliti Kajian	
	Kebolehpercayaan	
	Kesahan	
	Kesahan Dalaman	
	Kesahan Luaran	
	Kebolehpercayaan Inter-Rater	
	Kesimpulan	
Bab 10	Kajian Kes	185
	Pengenalan	
	Definisi dan Maksud Kajian Kes	
	Keunikian Kajian Kes	
	Kritikan ke atas Kaedah Kajian Kes	

Middle Range Thinking (MRT) sebagai Alternatif
Latar Falsafah *Middle Range Thinking* (MRT)
Aspek Teknikal *Middle Range Thinking* (MRT)

Lampiran

Bibliografi

Indeks


SENARAI RAJAH

Halaman

1.1	Peringkat dalam proses pengajian sarjana dalam mod penyelidikan	1
2.1	Matriks elemen perancangan pengajian sarjana	25
4.1	Struktur kerangka konsepsi	62
7.1	Tiga peringkat kutipan data dalam kajian kualitatif	218
8.1	Struktur organisasi data	134
8.2	Ringkasan struktur kajian mengikut konsep, tema dan kategori	135
8.3	Contoh peragaan corak yang boleh dibangunkan hasil analisis data	142
9.1	Proses <i>double hermeneutics</i> dalam menterjemah data kajian kualitatif	161
10.1	Ciri-ciri aliran beberapa sekolah pemikiran sebagai pilihan landasan penyelidikan	215

SENARAI JADUAL

	Halaman
6.1 Contoh bentuk ringkasan sorotan literatur	88



Prakata

Ramai yang berhasrat melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana, sama ada didorong oleh minat, keperluan kerjaya ataupun ingin menyahut cabaran. Ramai yang berjaya, tidak kurang juga yang terkandas di awal, pertengahan, mahupun di penghujung pengajian. Pulangan dan cabaran menjadikannya mahal dari segi kos, masa dan usaha. Sikap sambil lewa dalam melanjutkan pengajian tidak akan membawa ke mana-mana sebaliknya mengundang risiko kegagalan. Oleh itu, perancangan rapi untuk persediaan dan pelaksanaan pengajian sangat perlu. Bukan sahaja persiapan diri, fizikal dan mental, masa dan kewangan, operasi pengajian juga perlu dirancang mencakupi aspek akademik, teknikal, dan metodologi pengajian. Apatah lagi jika pengajian dilakukan dalam mod penyelidikan.

Buku ini menghuraikan susur galur perencanaan pengajian peringkat sarjana untuk rujukan para calon. Mod penyelidikan diberi tumpuan kerana memerlukan proses khusus yang lebih tegar berbanding mod kerja kursus. Selain aspek falsafah dan ideologi dalam penyelidikan, aspek teknikal dihurstai untuk memperjelas fokus penyelidikan, pembangunan isu dan permasalahan kajian, pembinaan kerangka kajian, penentuan metodologi kajian, analisis serta penulisan. Perbincangan perancangan dan pelaksanaan penyelidikan tersebut terangkum dalam 10 bab yang terdapat pada buku ini.

Di peringkat awal, perbincangan berkenaan isu falsafah dan teknologi penyelidikan dalam buku ini adalah bersifat umum. Ia sesuai dirujuk oleh para calon yang baru hendak memahami pengajian dan penyelidikan di peringkat sarjana. Seterusnya, buku ini menghurai kaedah penyelidikan kualitatif sebagai alternatif. Kaedah kualitatif semakin popular dalam penyelidikan sarjana, khususnya di Malaysia, malah potensinya untuk memenuhi tuntutan ilmu pengetahuan, penyelidikan, teori dan praktik juga besar. Bagaimanapun, kaedah kualitatif agak kurang difahami, sering disalah tafsir dan digunakan dalam bentuk yang tidak betul dan keadaan yang tidak sesuai. Umpamanya, data kualitatif disalahertikan sebagai kaedah kualitatif,

maksud temu duga mendalam disalah guna, maksud dan tujuan kajian kes disalah tafsir. Hal ini mengundang maklum balas dan penerimaan negatif terhadap kaedah kajian kualitatif. Ramai yang terlibat tidak memahami maksud dan aspirasi kaedah kajian kualitatif. Maka, dalam buku ini aspek teknikal kajian kualitatif dihurai dan dibanding dengan pendekatan kuantitatif untuk pemahaman pembaca.

Seterusnya, kaedah kajian kes yang sinonim dengan pendekatan kualitatif dihuraikan untuk dipertimbangkan oleh para calon pengajian sarjana. Di samping bertunjangkan pendekatan menyeluruh, kajian kes menawarkan peluang penerokaan isu dan masalah kajian yang mendalam menjadikan setiap kes unik dan kaya dengan maklumat bagi keperluan pembangunan dan pemantapan teori serta perkembangan praktik. Seiringan dengan itu, buku ini menghurai pendekatan *middle range thinking* dalam kajian sarjana untuk mencapai objektif penyelidikan dengan lebih telus dan intim. Isu kesahan dan kebolehpercayaan yang sering didebatkan antara pendokong kedua-dua aliran utama kaedah penyelidikan juga dijelaskan. Sesetengah perbincangan dibuat dalam bentuk senario yang dibentang dalam bentuk kekotak untuk tatapan khusus dan pemahaman para pembaca.

Secara keseluruhan, buku ini menyediakan rujukan bagi para calon pengajian sarjana dalam merancang dan melaksana pengajian dan penyelidikan. Bagi proses penyelidikan, kaedah kualitatif, khususnya dalam bentuk kajian kes yang berlatarkan pendekatan *middle range thinking* berpotensi untuk diterima pakai bertujuan memberikan proses dan hasil penyelidikan yang lebih telus, bermaklumat dan dekat kepada si penyelidik, subjek serta objek kajian. Sumbangan yang lebih berimpak dan bermakna kepada pembangunan ilmu, teori dan praktik juga akan dapat dibuat melalui pendekatan penyelidikan yang dicadangkan.

Rasid Mail, Ph.D

Raman Noordin, Ph.D

Sekolah Perniagaan dan Ekonomi

Universiti Malaysia Sabah

2012